

## Projek CDVisT menang emas dalam IUCEL 2017



Nilai, 27 September- Projek penyelidikan pensyarah dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP) bertajuk *Curriculum Design Visualization Tools (CDVisT): Facilitating Educators in Designing Well-balanced Responsive Curriculum* raih pingat emas dalam penganjuran International University Carnival on E-Learning (IUCEL) 2017 yang diadakan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) baru-baru ini.

Projek yang diketuai Aziman Abdullah ini adalah berkaitan penggunaan alatan produktiviti dalam bentuk perisian templet lembaran kerja (*spreadsheet template*) bagi penyediaan reka bentuk kurikulum berasaskan Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM/MQF) iaitu akreditasi dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Kajian dijalankan bersama pensyarah lain iaitu Dr. Azhar Kamaludin, Dr. Awanis Romli, Profesor Madya Dr. Mazlina Abdul Majid, Prof. Madya Dr. Ruzaini Abdullah Arshah dan Wan Nor Afiqah Wan Othman.

"Kelebihan sistem ini ianya menjimatkan masa bagi mereka yang terlibat dalam proses penggubalan kurikulum baru dan semakan kurikulum dengan fungsi automasi dan analisis visual seperti penggunaan graf yang ada di dalam perisian Microsoft Excel," ujar Aziman yang mengharapkan sistem ini akan dapat ditambahbaik untuk memenuhi keperluan baru MQA berkaitan KKM 2.0.



Turut menang pingat emas, Munira Abdul Razak Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) iaitu dengan projek *i-E.R.A.T DIVO*. Sementara itu, projek *Japanese Fun Learning on E-Learning using RINA JAP Let's Practice Japanese!* yang diketuai oleh Syahrina Ahmad dan projek *Learning Malay Language Using Social Network Application Based on 7 Domains of Communication* yang diketuai oleh Jamilah Bebe Mohamad dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) juga membawa pulang pingat perak. Manakala pingat gangsa disumbangkan oleh Dr. Rashidi Bin Abbas dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dengan projek *X-PLO-rasi T.A.R.T.I.L.*





Pengarah Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (CIRel), Dr. Azhar Kamaludin berkata, kejayaan ini sekaligus memberikan suntikan semangat yang lebih baik dalam memperhebatkan lagi penghasilan projek-projek yang berteraskan pembelajaran di atas talian.

Bagi penganjuran IUCEL 2017 kali ini, sebanyak 177 projek dipertandingkan dan karnival ini berlangsung selama dua hari ini dan telah di sempurnakan upacara perasmiannya oleh Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, Datuk Seri Idris Jusoh.

***Disediakan oleh Mohd. Shahri Mohd Akhir dari Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (CIRel) dan suntingan Bahagian komunikasi Korporat.***

Posted By : NUR LAILA BINTI AFANDI Date Posted : 03-10-2017, 17:17:06